

ExxonMobil jayakan kempen alam sekitar UPM 4

Oleh Norliza Abdullah

EXXONMOBIL Exploration and Production Malaysia Inc (ExxonMobil) terus memberikan komitmennya kepada usaha menjana modal insan supaya lebih berdaya saing dan seimbang menerusi penyertaan program pendidikan kesedaran pemuliharaan alam sekitar.

Untuk program tahun ini, ExxonMobil menambah peruntukan kepada Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada RM35,000 tahun lalu kepada RM50,000.

Sokongan ExxonMobil sejak 20 tahun lalu itu mencerminkan kesungguhan badan swasta itu dalam me-

nerapkan nilai murni cintakan alam sekitar di kalangan pelajar.

Sumbangan diserahkan Pengerusi ExxonMobil, Liam M Mallon kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Abu Bakar Salleh. Hadir sama, Dekan Fakulti Perhutanan, Prof Dr Mohd Hamami Sahri dan Penasihat Perhubungan Kerajaan ExxonMobil, Mohamed Kasim.


Sumbangan itu bagi menjayakan Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) 2007 peringkat kebangsaan berbentuk aktiviti kerja sains lapangan.

Program julung kali diadakan itu diubah suai daripada kuiz sains alam semula jadi yang sudah dilaksanakan sejak 29 tahun lalu.

Program bertemakan "Hutan Sebagai Sumber Khazanah Alam" dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

Penganjur menggalakkan penyertaan peserta sekolah menengah yang akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memilih pasukan paling layak untuk ke Kempas 2007 peringkat kebangsaan.

Liam dalam ucapannya berkata, sumbangan itu sebagai komitmen berterusan pihaknya dalam usaha menjana kesedaran pemuliharaan alam sekitar membabitkan generasi muda pada peringkat kebangsaan.



SUMBANGAN: Dr Abu Bakar menerima sumbangan daripada Liam sambil diperhatikan Dr Mohd Hamami (kanan) di Serdang, semalam.

FAKTA NOMBOR

Program Pendidikan ExxonMobil

RM2j

Peruntukan disediakan

RM145,000

Kos pengendalian Kempas 2007